

1. Apa _____ malang nasibku ini? Rumahku terbakar dan segala hartaku lenyap dari kelip mata.

☐ A -kah
☐ B -tah
☐ C pun
☐ D lagi

2. Thomas berasa _____ gembira apabila namanya diumumkan sebagai pemenang pertandingan mencipta sajak.

☐ A nian
☐ B amat
☐ C sekali
☐ D paling

3. Erna berasa gembira kerana mendapat markah yang _____ tinggi di dalam kelasnya bagi subjek Bahasa Melayu.

☐ A nian
☐ B benar
☐ C sekali
☐ D paling

4. Marissa bukan sahaja dipilih menjadi Pengerusi Persatuan Sains tetapi _____ dipilih menjadi Setiausaha Kelab Hoki.

☐ A lagi
☐ B juga
☐ C hanya
☐ D memang

5. _____ Azrini yang tidak hadir semasa latihan bola jaring semalam.

☐ A Pun
☐ B Lagi
☐ C Juga
☐ D Hanya

6. Di dalam kelas itu, _____ Athirah yang berjaya menjawab soalan Matematik yang sukar itu.

☐ A lagi
☐ B pun
☐ C hanya
☐ D sahaja

7. Wakil rakyat di kawasan itu sedang meraikan _____ anak yatim dari Rumah Bonda pada majlis berbuka puasa yang diadakan di Hotel Sri Angkasa.

☐ A segala
☐ B semua
☐ C sesuatu
☐ D setengah

8. "_____ rumah ini tanpa gelak tawa cucu-cucu kita," kata nenek kepada datuk.

- ☐ A Indahnya
- ☐ B Sunyinya
- ☐ C Hangatnya
- ☐ D Lapangnya

9. "_____ sambutan Hari Raya Aidilfitri di kampung kamu. Semua ahli keluarga berkumpul bersama-sama," kata Mazni kepada Erika.

- ☐ A Meriahnya
- ☐ B Besarnya
- ☐ C Indahnya
- ☐ D Rajinnya

10. Pada separuh masa _____, semua pemain kelihatan cergas tetapi selepas itu, mereka mula kelihatan lemah dan tidak bersemangat.

- ☐ A satu
- ☐ B pertama
- ☐ C setengah
- ☐ D kedua-dua

11. Keputusan yang dibuat itu _____ daripada persetujuan ramai untuk menjaga kepentingan semua pihak.

- ☐ A adalah
- ☐ B ialah
- ☐ C -tah
- ☐ D -lah

12. Apabila Hanis memberitahu kami bahawa lelaki itu _____ kekasihnya, kami _____ mempercayainya.

- ☐ A tidak ... tidak
- ☐ B bukan ... tidak
- ☐ C tidak ... bukan
- ☐ D bukan ... bukan

13. Meja antik itu diletakkan di _____ ruang tamu.

- ☐ A belakang
- ☐ B sudut
- ☐ C bucu
- ☐ D atas

14. Tajuk pertandingan syarahan yang akan disertai oleh Mirza _____ "Kelestarian Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama".

- ☐ A lagi
- ☐ B juga
- ☐ C ialah
- ☐ D adalah

15. _____ berlingung di bawah pokok ketika hujan lebat kerana berbahaya.

- ☐ A Usah
- ☐ B Minta
- ☐ C Tolong
- ☐ D Jemput



16. "Tindakan yang kamu ambil ini _____ salah dari segi undang-undang," kata Yunus kepada rakannya.

- ☐ A -kah
- ☐ B ialah
- ☐ C sahaja
- ☐ D adalah

17. _____ wanita itu sudah dapat menerima pemergian anaknya kerana dia lebih tenang dari tadi.

- ☐ A Tampaknya
- ☐ B Seharusnya
- ☐ C Sebenarnya
- ☐ D Bahawasanya

18. Sudah sepuluh tahun Laila menetap di Taiping namun dia belum _____ mengunjungi puncak Bukit Larut.

- ☐ A masih
- ☐ B sudah
- ☐ C pernah
- ☐ D sedang

19. Perlawanan persahabatan yang diadakan di dalam stadium itu telah disaksikan oleh _____ peminat bola sepak tanah air.

- ☐ A ribuan
- ☐ B tiap-tiap
- ☐ C pelbagai
- ☐ D masing-masing

20. Pemandangan di _____ laut itu amat indah dan mempesonakan.

- ☐ A sisi
- ☐ B tepi
- ☐ C penjuru
- ☐ D samping